



# UNITEN: PEEP dan Pengalaman Antarabangsa untuk Graduan Masa Depan

|                       |          |                        |         |
|-----------------------|----------|------------------------|---------|
| <b>Sentiment</b>      | Positive | <b>Frequency</b>       | Daily   |
| <b>Outlet Country</b> | Malaysia | <b>Outlet Language</b> | Malay   |
| <b>Impressions</b>    | 304,000  | <b>Circulation</b>     | 152,000 |
| <b>PR Value</b>       | 91,200   | <b>Page</b>            | 27      |

## Page Location

## UNITEN: PEEP dan Pengalaman Antarabangsa untuk Graduan Masa Depan

Oleh: ALICIA PHILIP dan MOHD NIZAM HJ. MAHAT

PUTRAJAYA—Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) bukan hanya sebuah institusi akademik yang cemerlang, tetapi juga pusat transformasi holistik yang bertujuan untuk menghasilkan graduan masa depan yang bersedia menghadapi cabaran dunia kerja. Melalui Personal Enrichment and Empowerment Programme (PEEP), UNITEN melengkapskan pelajar dengan kemahiran abad ke-21 yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia yang kompetitif.

### Transformasi PEEP membantu pelajar

Diperkenalkan pada tahun 2007, PEEP pada asalnya bertujuan untuk membantu pelajar yang lemah dalam akademik. Kini, ia telah berkembang menjadi program komprehensif yang terbuka kepada semua pelajar, dengan matlamat untuk meningkatkan prestasi akademik, kemahiran insaniah dan pembangunan per-



Pelajar UNITEN, Nabil Qawwim, Adriana Dafinah, Aina Batrisya, Elize Lee Su Chee dan Ang Chuan Xi mengikuti program Summer Session for International Student (SSIS), di Chungnam National University, Korea Selatan, 2024.



Penglibatan pelajar di dalam Personal Enrichment and Empowerment Programme (PEEP).

badi. Diteraju oleh Kolej Pendidikan Berterusan (CCED) dengan kerjasama Pusat Peningkatan Akademik dan Pembelajaran Fleksibel (CAFEL), PEEP adalah bukti komitmen UNITEN dalam melahirkan graduan yang cemerlang.

### Pendekatan Pelbagai Dimensi

PEEP terdiri daripada empat komponen utama: **Klinik Subjek:** Memberikan bimbingan kepada pelajar dalam subjek mencabar seperti kalkulus, *programming* dan fizik. Pelajar dengan PNGK di bawah 2.5 diwajibkan menghadiri sesi ini, di mana pensyarah sukarela memberikan bimbingan setiap minggu untuk meningkatkan pemahaman dalam subjek teras.

**Program Mentor-Mentee:** Pelajar senior yang cemerlang bertindak sebagai mentor untuk memberikan bimbingan akademik serta sokongan psikologi dan emosi kepada mentee mereka. Program ini bukan sahaja berjaya membantu meningkatkan pencapaian akademik tetapi juga membina hubungan bermakna antara pelajar.

**Kelas Bantuan:** Direka untuk pelajar yang menghadapi kesukaran dalam subjek tertentu. Sesi ini dijalankan di luar waktu kuliah biasa, dengan pendekatan pembelajaran kolaboratif yang dibimbing oleh pensyarah pakar.

**Bengkel Kemahiran:** Diadakan setiap hari Rabu, bengkel ini merangkumi pelbagai topik akademik,

profesional dan kemahiran insaniah. Antara kemahiran yang diberikan penerangan ialah kepimpinan, komunikasi dan penyelesaian masalah.

### UNITEN: Contoh Pembangunan Holistik

PEEP mencerminkan komitmen UNITEN dalam melahirkan graduan serba boleh yang bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan. Dengan sistem sokongan yang menyeluruh, UNITEN membantu pelajar berkembang dalam aspek akademik, peribadi, dan profesional. Program ini disokong oleh struktur organisasi yang kukuh, dengan penyelaras kolej dan jawatankuasa khas memastikan pelaksanaan yang lancar. Penyertaan persatuan pelajar *Soft Skills Enhancement and Learning Support (SEALS)* menambahkan dimensi kolaboratif, memberi peluang kepada pelajar untuk memiliki perjalanan pembelajaran mereka.

### Keunggulan UNITEN dalam Pendidikan Tinggi

UNITEN bukan sahaja memberi penekanan kepada kecermerlangan akademik tetapi juga pembangunan kemahiran insaniah untuk mempersiapkan graduan menghadapi cabaran dunia nyata. PEEP adalah manifestasi falsafah ini, mengubah pelajar menjadi individu serba boleh. Dengan budaya sokongan dan kolaborasi, UNITEN mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam pembangunan graduan masa depan yang dinamik.

### Program 360° GEM: Peluang Mobiliti Global

UNITEN turut menawarkan Program Global Exchange & Mobility (360° GEM), yang memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar di luar negara serta mengalami kepelbagaian budaya. Program ini terbuka kepada pelajar UNITEN (*Outbound*) serta pelajar institusi luar negara dan pelajar antarabangsa di institusi tempatan (*Inbound*). Melalui kerjasama dengan institusi pendidikan antarabangsa, UNITEN dapat memastikan kelancaran proses pendaftaran subjek, pemindahan kredit, prosedur kemasukan, dokumentasi imigresen serta urusan kewangan bagi

Program 360° GEM merangkumi pelbagai kategori termasuk pertukaran pelajar (1-2 semester), belaka-ni dan penyelesaian masalah.



Meagan See Yi Xun, pelajar Kolej Kejuruteraan menjalani lawatan 2 minggu di Deakin University, Australia melalui Blue Marbles Study Tour anjuran CCED, UNITEN.

jar di luar negara (1-2 semester), lawatan pendidikan (minimum 3 hari), penyelidikan, latihan industri (internship), dan kursus jangka pendek (IEP/Bahasa/Budaya). Matlamat program ini adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar UNITEN menjalani cara dan kaedah pembelajaran di institusi luar negara atau institusi lain di Malaysia. Program ini juga dapat membantu meningkatkan kefasihan bahasa asing serta memperluaskan rangkaian sosial dan profesional pelajar.

Dengan komitmen kukuh terhadap kecermerlangan akademik dan pembangunan holistik pelajar, UNITEN terus menjadi pilihan utama bagi pelajar yang ingin mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang akademik. Untuk maklumat lanjut mengenai program serta biasiswa yang disediakan di UNITEN, sila layari laman web rasmi di [www.uniten.edu.my](http://www.uniten.edu.my).